

**B- LESEN IMPORT, EKSPORT DAN
SINGGAH IKAN**

**PRODUK IKAN, MAKANAN IKAN DAN
BAHAN KIMIA**

*B- IMPORT, EXPORT AND TRANSIT OF FISH LICENSE
FISH FEED AND CHEMICALS*

SOALAN LAZIM

B- IMPORT, EXPORT IKAN, PRODUK IKAN, MAKANAN IKAN DAN BAHAN KIMIA

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS REGARDING BDNSW SYSTEM

B- IMPORT OR EXPORT OF FISH, FISHERY PRODUCTS, FISH FEED AND CHEMICALS

1) Apakah yang perlu dibuat untuk mendapatkan lesen import / eksport / Membawa Singgah Ikan Segar / Beku / Hidup?

Pemohon hendaklah berdaftar sebagai pengimport dan pengesport ikan segar, sejuk dan beku Sebagai Pengimport/ Pengeksport / Membawa Singgah Ikan Segar / Beku / Hidup.

2) Apakah pra-syarat untuk didaftarkan sebagai pengimport dan pengesport ikan segar, sejuk dan beku Sebagai Pengimport / Pengeksport / Membawa Singgah Ikan Segar / Beku / Hidup?

Pemohon adalah diperlukan untuk mengisi Borang Permohonan Untuk Mendaftar Sebagai Pengimport / Pengeksport / Membawa Singgah Ikan Segar / Beku / Hidup.

3) Dimanakah Borang Permohonan Untuk Mendaftar Sebagai Pengimport / Pengeksport / Membawa Singgah Ikan Segar / Beku / Hidup boleh didapati?

Borang Permohonan Untuk Mendaftar Sebagai Pengimport / Pengeksport / Membawa Singgah Ikan Segar / Beku / Hidup boleh didapati dengan melayari laman sesawang rasmi Jabatan Perikanan iaitu <http://fisheries.gov.bn/Theme/Home.aspx> dan memuat turun borang dan mencetak terus secara dalam talian (Online) dan borang yang lengkap diisi boleh dihadapkan ke Kaunter Pelesenan pada hari dan waktu-waktu kaunter beroperasi.

4) Apakah dokumen yang diperlukan untuk disertakan semasa menghadapkan Borang Permohonan Untuk Mendaftar Sebagai Pengimport / Pengeksport / Membawa Singgah Ikan Segar / Beku / Hidup?

Sila sertakan dokumen-dokumen seperti berikut :

1. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (Section 16 & 17);
2. Pastikan didalam Sijil tersebut sudah dibubuh Import & Eksport Ikan - (NO 46 Whole Trade except of motor vehicle and motorcycle) atau AF 5;
3. Salinan kad pengenalan pemilik syarikat.

6) Berapa lama tempoh permohonan pendaftaran di proses?

Tekad pemedulian Orang ramai bagi memproses Permohonan Untuk Mendaftar Sebagai Pengimport / Pengeksport / Membawa Singgah Ikan Segar / Beku / Hidup adalah dalam tempoh 6 hari waktu bekerja dari tarikh permohonan diterima.

7) Adakah perlu pemeriksaan keatas fasiliti dan peralatan bagi pengimportan atau pengeksportan ikan?.

Pegawai dari Seksyen Pelesenan akan membuat pemeriksaan keatas fasiliti dan peralatan yang akan digunakan oleh syarikat untuk aktibiti pengeksportan dan pengeskpontan.

8) Bagaimanakah cara lesen import dan eksport dikeluarkan?

Lesen import dan eksport ikan perlu dipohonkan melalui sistem Brunei Darussalam Single Window System (BDNSW) dengan berdaftar ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

9) Apakah yang dimaksudkan dengan Permit Transaction Number (PTN)?

Permit Transaction Number adalah maklumat keterangan yang dirujuk oleh pengimport dan pengeskpport untuk permohonan yang dihadapkan didalam BDNSW dan diteliti oleh Agensi yang mengawal produk tersebut. PTN adalah nombor daftar lesen import bagi produk perikanan yang dihadapkan melalui BDNSW. Bagi permohonan lesen eksport, syarikat perlu memohon menggunakan sistem BDNSW dan PTN yang telah diluluskan dan membuat pembayaran perlu mengambil lesen eksport yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan di kaunter Pelesenan.

10) Dimanakah syarikat boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan import dan eksport melalui BDNSW?

Syarikat boleh melayari laman sesawang Kementerian Kewangan dan ekonomi iaitu :

<https://www.mofe.gov.bn/Customs/Import-and-Export-Procedures.aspx>

11) Apakah kod Harmonisation System (HS) yang digunakan bagi produk ikan dan perikanan?

- 0301 - ikan hidup
- 0302 - ikan segar
- 0303 - ikan beku
- 0306 - udang dan krustasea
- 0307 - mollusk

12) Bagi pengeksporan ikan beku, adakah sebarang keperluan tambahan?

Pengeksporan produk ikan beku dan hidup bagi setiap konsainan ikan atau krustasea beku yang diimport mestilah mempunyai Free Sale Certificate atau Laporan Analisa Makmal atau Sijil Kesihatan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten (Competent Authority) negara pengeksporan serta hendaklah menyatakan konsainan selamat untuk makanan manusia.

13) Bagi importan ikan (krustasea) beku, adakah sebarang keperluan tambahan?

Spesies ikan (krustasea) beku yang didatangkan hendaklah termasuk di dalam spesies ikan (krustasea) yang disenaraikan oleh pengimport dalam permohonan lesen import ikan (krustasea) beku yang telah dibenarkan.